

12/07/2002

Malaysia hanya ada satu Perdana Menteri: Najib

ALOR STAR, Khamis - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak menolak dakwaan Pas kononnya ketika ini ada `dua Perdana Menteri' sehingga menakutkan pelabur asing datang ke Malaysia.

Menteri Pertahanan itu berkata, negara ini mempunyai seorang Perdana Menteri pada setiap masa, iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan hanya mengambil alih kepemimpinan parti serta negara selepas Oktober tahun depan.

Malah katanya, pelan peralihan kuasa lebih meyakinkan pelabur kerana wujud ketentuan yang boleh terus menjamin kekukuhan ekonomi serta kestabilan politik.

"Itulah Pas, buat macam-macam. Apa yang ada sekarang ini ialah pelan peralihan yang tersusun. Perdana Menteri pada setiap ketika tetap satu saja.

"Jadi tak timbul dua Perdana Menteri pada satu ketika," katanya selepas melawat bilik gerakan MCA di Anak Bukit, hari ini.

Beliau diminta mengulas ucapan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu, di Taman Aman dekat sini malam tadi bahawa pelabur takut kerana ketidaktentuan kononnya wujud `dua Perdana Menteri'.

Najib yang diiringi calon BN, Datuk Zakaria Said, kemudian mengadakan kempen dari rumah ke rumah di Pekan Anak Bukit yang kebanyakannya masyarakat Cina.

Beliau berkata, tidak ada bukti atau petunjuk sama sekali mengenai kemungkinan pelabur lari dari negara ini atau takut ke Malaysia.

Sebaliknya, pelabur sendiri menyatakan mereka lebih yakin pelan peralihan kuasa yang tersusun kerana ada tempoh tertentu dan pengganti sudah dinamakan, bukan kejutan atau perubahan yang mendadak.

Mengenai tuduhan kononnya, pemimpin Umno adalah `haprak', Najib berkata ia jelas menunjukkan keperibadian serta akhlak pemimpin Pas yang melemparkan pelbagai tuduhan serangan peribadi.

"Kita negara demokrasi. Kita sudah biasa dikritik dalam Parlimen dan sebagainya. Yang kita tak suka ialah kritik dalam bentuk maki hamun, dalam bentuk serangan peribadi, sebab kita tidak mahu politik kita ini menjadi politik murahan... politik yang tidak ada moral.

"Jadi, kalau kita berbeza pendapat atau ideologi, kita terangkan apa yang kita nak lakukan sebagai parti pembangkang, janganlah kita bila naik atas pentas, kita pula menyerang dan memaki hamun pemimpin kerajaan seperti mengatakan mereka haprak," katanya.

Beliau turut membidas tindakan sesetengah pihak yang menyebarkan surat layang, termasuk fitnah terhadap Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman.

Najib juga puas hati dengan perkembangan menggalakkan sokongan terhadap calon BN di Anak Bukit dengan jentera kempen bergerak lancar.

"Hari ini kita dapat laporan masyarakat Tiong Hua di sini, boleh dikatakan amat senang dengan calon BN dan mereka memberi jaminan akan keluar beramai-ramai menyokong calon BN," katanya.